

## ISU FIQH JINAYAT GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA: SATU ANALISIS HUKUM

Azman Ab Rahman<sup>1</sup>  
Hairulfazli Mohammad Som<sup>2</sup>  
Hussein Azeemi Abdullah Thaidi<sup>3</sup>  
Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>4</sup>

### Abstrak

Kesalahan jenayah dalam Islam adalah isu yang perlu dicermati dengan sebaiknya. Hal ini kerana ia bukan sahaja dilakukan oleh manusia normal malah boleh melibatkan golongan kurang upaya (OKU). Fiqh Jinayat memperuntukkan hukuman yang setimpal bagi pelaku jenayah agar keadilan dapat ditegakkan tanpa kompromi. Ia penting sebagai balasan ke atas kesalahan yang dilakukan dan pengajaran kepada orang lain. Pelaksanaan hukuman jenayah Islam juga amat penting demi menjaga lima maqasid Syariah yang asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Walau bagaimanapun, hukuman yang dijalankan perlulah sesuai dengan situasi dan kondisi pesalah disamping mengambilkira suasana yang kondusif. Sungguhpun kesalahan jenayah OKU telah banyak dibincangkan menurut undang-undang sivil, ia kurang mendapat perhatian dalam perbincangan hukum Islam. Oleh itu, artikel ini akan cuba mengenalpasti isu-isu fiqh jinayat yang berkaitan dengan golongan OKU. Ia juga mengkaji permasalahan hudud secara mendalam kerana ia adalah subjek dominan dalam jenayah Islam. Artikel ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian mendapati beberapa beberapa isu jenayah hudud OKU perlu diberi perhatian disamping pandangan hukum serta tatacara khusus perlu dipertimbangkan dalam melaksanakan hukuman ke atas pelaku jenayah OKU. Kajian ini mempunyai implikasi penting sebagai rujukan dan panduan bagi pengamal undang-undang, ahli akademik dan pembuat dasar dalam mendepani isu-isu kesalahan jenayah OKU.

**Kata kunci:** OKU, hukum, jenayah, hudud, *maslahah*.

### 1. Pengenalan

Jenayah merupakan perkara yang penting yang perlu kepada jalan penyelesaian yang terbaik dalam menanganinya. Pelaku jenayah bukan sahaja melibatkan golongan normal tetapi termasuk juga golongan OKU. Islam tetap teguh dengan prinsip keadilan tanpa kompromi. Setiap yang bersalah akan dikenakan hukuman yang sesuai dengan situasi dan kondisi pesalah. Ini sebagai balasan ke atas pesalah dan pengajaran kepada orang lain. Di samping itu, prinsip jenayah Islam amat penting untuk menjaga maqasid Syariah dari sudut lima daruriyat iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Artikel ini akan memberikan tasawur

---

<sup>1</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Kajang, Selangor.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

yang jelas terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh OKU khususnya dalam konteks jenayah hudud. Huraian akan menfokuskan kepada pelaksanaan hudud ke atas OKU, tujuan dan hikmah pensyariatannya. Prinsip keringanan (*al-taysir*) dan kaitannya dengan kesalahan OKU dalam hukuman hudud seperti kesalahan zina, qazaf, mencuri, minum arak, hirabah dan murtad dibincangkan menurut pandangan ulama yang muktabar.

## 2. Pelaksanaan Hudud bagi Pesalah OKU

Hudud adalah satu hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak, untuk menjaga hak-hak yang berkaitan dengan penjagaan lima daruriyyat: Nyawa, harta, akal, keturunan dan agama (Al-Shirbini, 1997). Hukuman hudud tertakluk kepada syarat pelaksanaan hukuman hudud dan kaedah pensabitan sama ada melalui pengakuan atau melalui bukti.

Disebutkan di dalam Mughni al-Muhtaj: Sesiapa yang mengakui sesuatu jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman hudud, kemudian dia menjadi gila, hukuman itu tidak akan dijatuhkan ketika itu. Sebabnya adalah dia berkemungkinan menarik semula pengakuannya. Ia berbeza jika jenayah itu disabitkan melalui bukti atau dia telah melakukan qazaf (menuduh orang berzina). Maka, hukuman hudud boleh dijatuhkan ketika dia masih gila kerana walaupun dia menarik pengakuannya, ia tidak diambil kira oleh syarak (Al-Shirbini, 1997).

Ibn Qudamah pula berkata: Sesiapa yang disabitkan kesalahan dengan pengakuannya dan kemudian gila, hukuman hudud tidak akan dijatuhkan ketika dia gila, kerana jika dia menarik balik pengakuannya, ia dikira. Sebabnya, terdapat kemungkinan dia akan menarik balik jika dia waras (Ibn Qudamah, 1997).

Bagi al-Malikiyyah dan al-Hanafiyyah pula, sesiapa yang melakukan jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman hudud, dia tidak akan dihukum melainkan selepas waras (Muhammad ‘Ilish, 1989; al-Fatawa al-Hindiyyah, 2000).

## 3. Kaedah Pelaksanaan Hukuman Hudud ke atas Pesalah OKU

Diriwayatkan dari Abu Umamah Sahl bin Hunaif r.a. bahawa sebahagian sahabat Ansar memberitahu kepadanya terdapat seorang lelaki yang mengeluh sehingga dia jatuh sakit. Tubuh badannya menjadi kering. Seorang wanita telah datang berjumpanya sehingga mereka berzina. Mereka telah membawanya kepada ketua kaum dan dia pun mengakui perbuatannya. Katanya: Pergilah bertanya kepada Rasulullah SAW bagi pihakku, kerana aku telah berzina dengan seorang wanita yang datang berjumpa denganku.

Mereka pun bertanya kepada Rasulullah SAW. Kata mereka: “Kami tidak pernah melihat seorang lelaki yang lebih sakit darinya. Jika kami membawanya bertemu dengan engkau, nescaya akan patahlah tulang-tulanginya kerana dia terlalu kurus”. Lalu, Rasulullah SAW pun menyuruh mereka untuk mengumpulkan tangkai pohon tamar dan memukulnya (Abu Dawud, 2003).

### 3.1 Zina OKU

Zina ialah perbuatan sumbang mahram yang dilakukan oleh pasangan lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai ikatan perkahwinan yang halal. Pelaku perzinaan dibezakan menjadi dua, iaitu pezina muhshan dan ghayru muhshan. Pezina muhshan adalah pezina yang sudah memiliki pasangan sah. Sedangkan pezina ghayru muhshan adalah pelaku yang belum pernah menikah dan tidak memiliki pasangan sah.

#### Isu Pertama: Hukuman Zina OKU

##### i. Kecacatan akal

Terdapat beberapa hadis yang menyatakan dengan jelas bahawa orang yang mengalami kecacatan akal adalah terlepas dari taklifan syarak. Terdapat hadis yang secara khusus menyatakan gugurnya hukuman hudud ke atas orang gila. Ini boleh dilihat melalui kisah Ma'iz r.a. bahawa Nabi SAW bertanya kepada kaumnya: “Adakah dia gila?” Jawab mereka: “Tidak”. Diriwayatkan juga Nabi SAW bertanya kepadanya ketika beliau datang membuat pengakuan: “Adakah engkau gila?” (Al-Bukhari, 1980 Muslim, 1991).

Begitu juga dengan apa yang dibuat oleh para sahabat r.a. seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad yang sahih dari Ibn ‘Abbas r.a. bahawa ‘Ali r.a. berjalan melewati seorang perempuan gila yang telah berzina. Lalu ‘Umar ingin merejamnya tetapi dihalang oleh ‘Ali. Katanya: Wahai Amirul Mukminin, adakah engkau mahu merejamnya?” Jawab ‘Umar: “Ya”. Kata ‘Ali: “Tidakkah engkau ingat kata-kata Nabi SAW”:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثٍ: عَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَبْلُغَ، وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يُعِيَقَ

Maksudnya: Pena diangkat (tidak dituliskan dosa pahala) ke atas tiga golongan: Orang gila, orang yang sedang tidur sehingga dia terjaga dan kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh). Jawab ‘Umar: Benar kata-kata engkau. Lalu beliau melepaskannya (Al-Hakim, 1997).

##### ii. Kecacatan fizikal

Jika hukuman hudud disabitkan dengan bukti atau pengakuan ke atas OKU yang melibatkan fizikal seperti pekak dan bisu dalam keadaan cukup syarat untuk disabitkan, hukuman itu tidak digugurkan darinya. Dia akan dihukum sama seperti orang lain yang sihat.

Bagi orang bisu, jika mengaku berzina atau mempunyai saksi yang melihatnya berzina, terdapat perbezaan pendapat ulama mengenainya. Ia kembali kepada perbincangan sejauh manakah syarak menerima isyarat dari orang bisu? Adakah ia diterima atau tidak?

## 3.2 Qazaf OKU

Qazaf ialah melemparkan tuduhan zina kepada orang lain yang baik lagi suci atau menafikan keturunannya. Jika sekiranya ia hanya menuduh seseorang lain mencuri, minum arak, murtad, termasuk juga mencaci yang boleh menjatuhkan maruah maka ia hanya dikenakan hukuman ta'zir.

### Isu Kedua: Hukuman Qazaf OKU

#### i. Kecacatan akal

Kecacatan akal dibahagikan kepada dua jenis: Penuduh atau yang tertuduh.

##### a. Penuduh

Para fuqaha' bersepakat menyatakan orang gila tidak termasuk dalam kalangan mukallaf. Antara syarat penuduh dan yang tertuduh adalah mestilah dari kalangan mukalaf. Jika tidak, tiada hukum yang boleh disabitkan ke atasnya berdasarkan hadis: Terangkat Pena dari tiga golongan.

Adapun orang yang gila kemudian waras, jika qazaf itu berlaku ketika gila, ia tidak dikira kerana dia bukan dari kalangan mukallaf ketika itu. Tetapi jika qazaf itu dilakukan ketika dia sedang waras, hukuman akan dijatuhkan ke atasnya (Ibn Muflih, 1980).

##### b. Yang tertuduh

Abu Hanifah berpendapat bahawa dia tidak akan dijatuhkan hukuman hudud kerana jika tuduhan itu dibuat selepas dia waras, maka zina yang dibuatnya adalah ketika dia gila. Ia tidak dikira. Jika dia dituduh ketika gila, maka orang yang menuduh kanak-kanak atau orang gila (yang bukan mukallaf) tidak akan dihukum hudud (al-Sarkhasi, 1985; al-Nawawi, t.t).

Pendapat yang lebih tepat adalah hukuman hudud akan gugur dari penuduh dan tertuduh yang bukan mukallaf kerana mereka tidak mampu menjaga kehormatan mereka. Tetapi, jika qazaf itu berlaku ketika dia waras, sama ada dia sebagai penuduh atau tertuduh, maka ia perlu dikira dan hukuman akan dijatuhkan ketika dia waras.

#### ii. Kecacatan fizikal

Kecacatan fizikal boleh diagihkan kepada beberapa jenis;

a) **Buta:** Tuduhan (qazaf) yang dibuatnya dikira walaupun dia tidak mampu melihat atau tiada kemungkinan dia melihat perbuatan zina itu. Li'an sah dari pihak suami jika dia mengetahuinya walaupun tidak melihatnya. Perkara ini hanya khusus kepada isterinya sahaja, atau kepada orang lain tetapi dengan bukti pengakuan dari pihak isteri di depannya, atau bukti-bukti lain.

b) **Bisu:** Terdapat perbezaan pendapat fuqaha' mengenainya, tetapi yang paling tepat adalah pendapat jumbuh yang mengatakan qazaf diterima dari orang bisu jika dia menuduh dengan tulisan atau isyarat yang difahami dan jelas tanpa membawa maksud-maksud yang lain. Maka, hukuman hudud boleh disabitkan (Ibn Nujaym: t.t.).

### 3.3 Minum Arak OKU

Arak atau *khamr* merupakan minuman yang memabukkan. Umat Islam diharamkan minum minuman yang memabukkan samada daripada perahan anggur atau selain daripadanya. Allah SWT perintahkan supaya menjauhi arak. Hal ini kerana tegahan sahaja tidak termasuk tegahan lain yang berkaitan dengannya, seperti melayan seseorang minum, membeli atau menjualnya. Sementara, arahan menjauhinya pula bermaksud, amaran supaya menjauhi segala perkara yang berkaitan dengan arak, termasuk minum dan sebagainya.

**Isu Ketiga:** Hukuman Minum Arak OKU

#### i. **Kecacatan akal**

Di antara perkara yang disepakati oleh para fuqaha' (Ibn Qudamah, 1997) adalah orang yang tidak waras (gila) bukan dari kalangan mukallaf dan hilang kelayakan melakukan sesuatu urusan. Jika dia mabuk dalam keadaan gila, gugur hukuman hudud darinya kerana perbuatannya tidak dikira oleh Allah SWT.

#### ii. **Kecacatan fizikal**

Jika cukup sebab-sebab untuk mensabitkan kesalahan minum arak ke atasnya, maka dia akan dihukum hudud. Perkara ini disepakati oleh para fuqaha', tidak kira sama ada dia cacat fizikal seperti buta, bisu, cacat anggota badan atau kudung. Ini kerana, kecacatan ini tidak mempunyai kaitan dengan hukuman hudud melainkan pengakuan dari orang bisu (Al-Ramli, 1984; Ibn Qudamah, 1997).

### 3.4 Mencuri OKU

Mencuri bermaksud mengambil sesuatu secara sulit. Menurut syarak, mencuri ialah mengambil harta orang lain secara sulit tanpa sebarang hak dari tempat simpanan dengan syarat-syarat tertentu. Selain itu, mencuri juga membawa maksud mengambil barang orang lain tanpa izin atau kebenaran pemiliknya.

**Isu Keempat:** Hukuman Mencuri OKU

#### i. **Kecacatan akal**

Para fuqaha' bersepakat bahawa hukuman hudud akan gugur darinya jika dia mencuri. Sebab dia adalah bukan dari mukallaf (Al-Namlah, t.t.).

#### ii. **Kecacatan fizikal**

Jumhur fuqaha' menyatakan bahawa hukuman hudud boleh dijatuhkan ke atas orang yang cacat fizikal sama ada pekak atau bisu. Ini kerana, dia termasuk dalam kalangan mukallaf. Jika cukup syarat dan bukti, hukuman itu boleh dijalankan kerana semua kecacatan ini tiada kaitan dengan pelaksanaan hudud. Malah, nas-nas yang ada juga tidak membezakan antara orang buta atau pekak.

### iii. **Pelaksanaan hukuman**

Para fuqaha' bersepakat (Ibn Rushd, 1982) menyatakan bahawa hukuman mencuri bermula dengan pemotongan tangan kanan jika dia sempurna (tidak cacat). Ini bagi kesalahan pertama. Tetapi jika tangan kanannya kudung atau cacat, berlaku perbezaan pendapat mengenainya:

Pertama: Jika ia adalah kesalahan pertama baginya, maka hukuman hudud gugur darinya. Ini adalah pendapat dari mazhab al-Hanafiyyah dan al-Hanabilah (Ibn 'Abidin, 2000; al-Buhuti, t.t; Ibn Muflih, 1440H). Hujah mereka, Allah SWT telah mewajibkan tangan kanan yang sepatutnya dipotong, tidak kira ia cacat atau sempurna.

Kedua: Tangan kanan itu tidak akan dipotong, tetapi ia berpindah ke kaki kiri iaitu anggota yang menurutinya. Tidak boleh memotong tangan yang cacat atau kudung. Ini adalah pendapat al-Malikiyyah, al-Shafi'iyyah dan al-Hanabilah di dalam satu riwayat (Al-Namlah, t.t). Hujah mereka, tujuan pemotongan tangan itu adalah untuk memansuhkan peranan tangan yang digunakan untuk mencuri, dan kecacatan tangan itu tidak memberi sebarang bantuan kepada jenayah mencurinya.

Pendapat yang menyatakan hukuman itu berpindah ke kaki kiri adalah lebih menepati maqasid syari'ah dalam pensyariatian hudud. Namun, jika pencuri itu kudung tangan kirinya, adakah tangan kanannya akan dipotong jika ia merupakan kesalahan pertamanya? Maka ada beberapa pendapat:

i. Tangan kanannya tidak akan dipotong dan gugur hukuman hudud ke atasnya. Ia adalah pendapat al-Hanafiyyah dan al-Hanabilah dalam riwayat yang rajih dalam mazhab itu.

Hujahnya: Pemotongan kedua-dua belah tangannya tidak boleh berlaku dalam satu masa yang sama. Bagi mereka, syarat untuk memotong tangan kanan adalah mestilah tangan kirinya sempurna. Jika tidak, tangan kanan tidak akan dipotong.

ii. Tangan kanannya wajib dipotong walaupun tangan kirinya cacat atau kudung. Ia adalah pendapat al-Malikiyyah, al-Shafi'iyyah dan satu riwayat dari al-Hanabilah (Al-Nawawi, t.t.).

**Hujahnya:** Pemotongan tangan kanan dan kaki kiri telah disebutkan dengan jelas di dalam nas. Maka ia wajib dipotong walaupun kesannya sangat buruk.

Pendapat pertama lebih tepat supaya pencuri itu tidak dibiarkan kudung kedua-dua belah tangannya. Tetapi jika mereka menyatakan yang dipotong adalah kaki kiri, ia masih boleh diterima.

### 3.5 Hirabah OKU

Hirabah bermaksud serangan bertujuan merampas harta, membunuh atau menakutkan dengan cara terang-terangan, angkuh dan menggunakan kekuatan di kawasan yang terpencil daripada bantuan. Ia dilakukan oleh mukallaf yang tertakluk kepada undang-undang, termasuk ahli zimmi dan orang yang murtad.

#### Isu Kelima: Hukuman Hirabah OKU

##### i. Kecacatan akal

Para fuqaha' bersepakat menyatakan bahawa apa-apa perkara yang dilakukan oleh orang gila tidak dikira dan dihukum kerana dia bukan mukallaf. Namun, sebahagian fuqaha' menyatakan wajib diambil diyat dari hartanya atau keluarganya ('aqilah) bagi menjaga keharmonian masyarakat.

##### ii. Kecacatan fizikal

Al-Hanafiyyah mensyaratkan orang yang terlibat dengan hirabah itu mampu bercakap bagi dijatuhkan hukuman hudud. Jika dia bisu, gugurlah hukuman hudud ke atasnya. Bagi fuqaha' yang lain, mereka tidak mensyaratkan sedemikian melainkan syarat baligh dan berakal.

#### Pelaksanaan Hukuman

Jika penjenayah yang melakukan jenayah hirabah itu disabitkan hukuman hudud – potong tangan kanan dan kaki kiri serentak – kudung tangan atau kakinya, iaitu tempat yang sepatutnya dijatuhkan hukuman. Adakah dia masih dijatuhkan hukuman hudud?

i. Jika tangan dan kakinya kudung: Dibiarkan kerana tangan kanan dan kaki kiri sudah sedia kudung kerana ia lebih menepati maqasid shari'ah. Sebahagian fuqaha' berpendapat dia akan dipenjarakan sehingga bertaubat dan kembali ke pangkal jalan, atau mati. Itu adalah lebih baik dari membiarkannya kudung tangan dan kaki dan akan sentiasa mengharapkan bantuan orang. Pendapat ini dinukilkan dari 'Ali r.a. (Al-Sarkhasi, 1985).

ii. Jika tangan kanan kudung atau cacat, adakah tangan kiri akan dipotong? Pendapat yang tepat bahawa dia dibiarkan sebegitu seperti pendapat sebelum ini dari 'Ali bin Abi Talib r.a. Seorang pencuri yang kudung tangan dan kaki telah dibawa kepadanya lalu beliau membiarkannya. Beliau berkata: Aku malu kepada Allah SWT jika aku tidak membiarkannya dalam keadaan masih mempunyai tangan untuk makan dan kaki untuk berjalan.

Dalam riwayat yang lain, beliau berkata: Dengan apa dia mahu makan, dengan apa dia mahu berwuduk untuk solat, dengan apa dia mahu beristinja', dengan apa dia mahu menunaikan keperluan hariannya? (Ibn Qudamah, 1997; al-Mawardi, 1978).

### **3.6 Murtad OKU**

Murtad atau riddah bermaksud beralih daripada sesuatu kepada sesuatu yang lain. Menurut istilah undang-undang Islam, murtad ialah beralih daripada memeluk Islam kepada memeluk agama lain atau anutan lain.

**Isu Keenam:** Hukuman Murtad OKU

#### **i. Kecacatan akal**

Tidak sah murtad dari orang gila, begitu juga dengan pengislamannya. Para fuqaha' bersepakat menyatakan bahawa apa-apa perkara yang dilakukan oleh orang gila tidak dikira dan dihukum kerana dia bukan mukallaf.

Para fuqaha' bersepakat bahawa hukuman hudud tidak akan dijatuhkan ke atas orang yang murtad dalam keadaan waras dan kemudian menjadi gila. Dia akan ditunggu sehingga waras dan diminta bertaubat kerana dia masih ada kemungkinan untuk kembali kepada Islam dalam keadaan waras.

Al-Shafi'iyah menjelaskan bahawa sesiapa yang murtad dan telah diminta bertaubat, kemudian menjadi gila, maka dibenarkan membunuhnya ketika gila. Pendapat ini tidak boleh ditolak kerana tujuan asal ditangguhkan hukuman sehingga dia waras adalah supaya diminta bertaubat. Ia sudah pun dibuat sebelum dia menjadi gila (al-Shirbini, 1997; Ibn Qudamah, 1997; Muhammad 'Illish, 1989; Ibn 'Abidin, 2000).

#### **ii. Kecacatan fizikal**

Murtad dari orang cacat fizikal diterima kerana orang yang diterima pengislamannya, juga diterima murtadnya kerana sudah dikira mukallaf. Jika orang yang cacat fizikal melakukan sesuatu yang bertentangan dengan iman, sama ada melalui percakapan, isyarat yang boleh difahami atau perbuatan, hukuman hudud boleh dijatuhkan ke atasnya. Kaedahnya ialah, pertamanya akan diminta supaya bertaubat. Jika dia tidak mahu, dia akan dibunuh kerana dia sudah menjadi mukallaf melainkan jika dia orang bisu. Murtad ini tiada sebarang kaitan dengan kecacatan tetapi berkaitan dengan tindakan seseorang (Al-Kasani, 2003; Ibn Nujaym, t.t.; Ibn Qudamah, 1997).

### **4. Penutup**

Perbincangan Fiqh jenayah OKU ini perlu dilihat dalam semua aspek dengan mengambil kira konsep dan kategori OKU itu sendiri. Hukum-hukum yang berkaitan dengan OKU perlu



dikaji dan diselidik sesuai dengan keadaan dan situasi bagi memastikan sebarang hukuman yang akan dikenakan bertepatan dengan maqasid al-Syariah. Kebijaksanaan para ilmuwan agama dan pakar-pakar bidang lain amat diperlukan dalam kajian yang melibatkan Fiqh jenayah OKU. Pandangan-pandangan ulama dalam isu yang berkaitan pelaksanaan hudud ke atas OKU boleh menjadi panduan kepada masyarakat dan pihak berwajib dalam menetapkan sesuatu hukum. Secara tidak langsung ia dapat menjelaskan tentang keindahan Islam yang sempurna dalam menjaga kemaslahatan sistem hidup manusia secara menyeluruh.

## 5. Rujukan

Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath. Sunan Abi Dawud. Riyadh: Maktabah al-Ma'rif. 2003.

Al-Buhuti, Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti, *Al-Rawd al-Murabba' Sharh Zad al-Mustaqna'*. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadisah. 1390H Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. *Kashshaf al-Qana' 'ala Matn al'-Iqna*. Beirut: Dar al-Fikr, 1982.

Al-Bukhari, Abu 'Abdillah Muhammad bin Ismail al-q al-Ja'fi. *Al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*, ed. Mustafa Din al-Bugha. Beirut; Dar Ibn Kathir. 1987.

Al-Mawardi. *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah*. Lubnan: Dar al-kutub al-Ilmiyah, 1978.

Al-Namlah, Muhammad Ibrahim. *Tatbiq al-Had 'ala al-Mu'aq: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Dauliyyah Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah, bil 21. T.t.

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jeddah: MAktabah al-Irshad, t.t.

Al-Ramli, Muhammad bin abi al-'Abbas. *Nihayah al-Muhtaj al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr, 1984.

Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad bin Abi al- 'Abbas Ahmad bin Hamzah. *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, dicetak Bersama al-Shibramlisi, Hashiyah Abi al-Diya 'Nur al-Din 'Ali bin 'Ali-Shibramlisi al-Qahiri, dan al-Rashidi, Hashiyah Ahmad bin 'Abd al-Razzaq bin Muhammad bin Ahmad. Beirut" Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 1993.

Al-Sarkhasi, Shams al-Din. *Kitab al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. 1985.

Al-Shirbini, Muhammad Khatib al-Shirbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj a'la Matn Minhaj al-Talibin al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Fikr, 1997.

- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. *Hashiyah Ibn 'Abidin*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2000.
- Ibn Muflih, Abu Ishaq Ibrahim Bin Muhammad Bin 'Abdullah Bin Muflih al-Hanbali. *Al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*. Beirut: al-Maktab al-Islami. 1980.
- Ibn Muflih, Abu Ishaq Ibrahim Bin Muhammad Bin 'Abdullah Bin Muflih al-Hanbali. *Al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*. Beirut: al-Maktab al-Islami. 1404H
- Ibn Muflih, Abu Ishaq Ibrahim Bin Muhammad Bin 'Abdullah Bin Muflih al-Hanbali. *Al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*. Beirut: al-Maktab al-Islami. 1400H
- Ibn Nujaym, Zayn al-'Abidin bin Ibarhim bin Muhammad bin Muhammad. *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Dar al-Kitab al-Islami li Ihya' wa Nashr al-Turath al-Islami, t.t.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abdillah bin Ahmad. *Al-Mughni wa Yalihi al-Sharh al-Kabir 'ala Matn al-Muqni'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, 1972.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abdillah bin Ahmad. *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Fikr, 1985.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1982.
- Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kaherah: Dar al-Hadis., 1991.